

AMALAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR GURU  
PENDIDIKAN ISLAM MENENGAH RENDAH NEGERI JOHOR

MOHD FAEEZ BIN ILIAS

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2014

**DEDIKASI**

*Syukur*  
Allah S.W.T.

*Selawat dan Salam*  
Nabi Muhammad S.A.W.

*Jazakumullah Khayr*  
Abah dan Emak  
Abah dan Ummi

Seluruh ahli keluarga Simpang Renggam  
Seluruh ahli keluarga Kangkar Pulai  
Para pensyarah dan rakan pelajar Pascasiswazah FTI serta semua yang mengenali.

*Dan teristimewa*  
Kepada Cinta saya  
Isteri dan anak yang disayangi.

Semoga kita semua sentiasa mendapat redha-Nya.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur bagi Allah S.W.T Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w penghulu segala Nabi dan rasul. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufiq dan inayah-Nya telah memberikan kekuatan dan keazaman yang tinggi untuk menyempurnakan amanah sebagai seorang pelajar dalam menyiapkan tesis Ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia yang banyak membantu menyelesaikan tesis ini iaitu Dr Kamarul Azmi Jasmi. Dorongan dan sokongan yang diberikan oleh beliau sangat menyumbang usaha menyiapkan tesis ini sehingga sempurna. Teguran dan kritikan yang membina daripada beliau juga membantu dalam usaha menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga penghargaan kepada semua pihak yang membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung terutamanya kepada pensyarah, rakan-rakan sepengajian di Fakulti Tamadun Islam UTM, kakitangan Jabatan Pelajaran Negeri Johor, serta pentadbir dan guru di Sekolah Bestari negeri Johor yang terlibat dalam kajian ini.

Buat Ibunda dan Ayahanda serta mertua yang sentiasa mendoakan kejayaan dalam menempuh cabaran menimba ilmu pengetahuan. Sekalung penghargaan dan kasih sayang yang teristimewa buat isteri tercinta Muriyah Abdullah yang banyak memberi sokongan yang tidak pernah jemu. Buat buah hati yang tersayang Hawariy yang menjadi penyejuk mata dalam meneruskan perjuangan ini. Semoga kejayaan ini akan menjadi kesinambungan kejayaan kalian nanti.

## ABSTRAK

Kurangnya keberkesanan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) adalah disebabkan oleh masalah peribadi guru dan kurangnya peruntukan bahan. Selain itu, BBM yang sedia ada juga kurang membantu guru dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Justeru, kajian ini meneroka penggunaan BBM dari aspek jenis, sumber, faktor, serta amalan penggunaan BBM dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) menengah rendah di negeri Johor. Kajian kes ini menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data. Seramai lima orang GPI, lima orang penyelia GPI, dan sepuluh orang pelajar Sekolah Bestari terlibat dalam kajian ini. Data verbatim temu bual ditriangulasi dengan data pemerhatian dan analisis dokumen sebelum dianalisis menggunakan perisian NVivo versi 7. Secara keseluruhannya, terdapat sepuluh jenis BBM yang mencapai tahap pola, iaitu papan putih, buku teks, *powerpoint*, kertas edaran, kertas majong, gambar, buku nota pelajar, video, buku latihan dan modul, serta buku rujukan. Sumber penggunaan BBM meliputi sumber pengetahuan, iaitu perbincangan rakan guru, cuba jaya, serta maklumat daripada internet, buku dan kursus. Sumber bahan pula diperolehi daripada internet, panitia sekolah, serta koleksi yang dibeli dan dihasilkan sendiri oleh GPI, rakan GPI, dan pelajar dengan merujuk buku teks dan buku rujukan. Antara faktor yang mendorong GPI menggunakan BBM ialah faktor peribadi guru, sokongan pentadbir dan respon positif pelajar, serta bahan dan tempat PdP yang mencukupi. Manakala faktor yang menghalang GPI menggunakan BBM ialah kekurangan masa dan persediaan, masalah pengurusan bahan, serta tempat penggunaan yang terhad. Bagi amalan penggunaan BBM, kajian turut mendapati GPI kurang bersedia sebelum menggunakan BBM, namun kekurangan persediaan tersebut tidak mengubah amalan penggunaan BBM yang betul. Di akhir penggunaan BBM, majoriti GPI memberikan latihan dan tugas dengan merujuk kepada BBM yang digunakan. Kajian ini menghasilkan empat model utama, iaitu Model Sumber Pengetahuan dan Sumber BBM, Model Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan BBM, serta Model Jenis dan Amalan Penggunaan BBM. Model-model baru yang terhasil daripada kajian ini dapat menjadi panduan kepada semua pihak yang berkaitan dengan institusi pendidikan khususnya guru.

## ABSTRACT

The ineffective use of teaching aids is often attributed to a number of factors including the teachers' teaching personality, the inadequacy of the teaching aids themselves as well as the insufficiency of funds allocated for their procurement. This research was carried out to explore the classroom application of teaching aids based on their types, sources, factors and the practice of applying them among lower secondary school Teachers of Islamic Education (TIE) in Johor. This case study used a qualitative method in collecting the data. A total of five teachers, five supervisors, and ten students from Smart School were involved in this study. Verbatim interview transcription was triangulated with the observation data and document analysis prior to the final analysis process using the Nvivo version 7. The result shows that ten polas of teaching aid including white board, text books, power point presentation, distributed papers, mahjong papers, pictures, student-note books, videos, exercise books and modules, and reference books. In applying the teaching aids, it is revealed that teachers obtained the information on their use from peer discussion, by trial and error, and from the internet, books and teaching courses. Meanwhile, in terms of their content, such information was either retrieved from the internet provided by the school committee or obtained from the personal collections of materials owned by TIE, peers of TIE, and the students. This study also shows that the use of classroom teaching aids is often determined and encouraged by the teachers' personality and skills, support from the administration, students' positive responses as well as adequate teaching materials and spaces. On the other hand, the impeding and discouraging factors come from the teachers' limited time and preparation, and the problem of space and material management. As for the practice of using teaching aids, this study reveals that teachers often went to their classes ill-prepared though they continued to observe the correct practice whenever teaching aids were used. The results of this study led to the construction of four different teaching-aids-related models: Model of Sources of Knowledge and Sources of TIE's Teaching Aids, Model of Encouraging and Discouraging Factors in the Use of Teaching Aids, Model of Types of Teaching Aids, and Model of TIE's Practice of Applying Teaching Aids. These newly constructed models may in fact be used as a general guidance for all in the education line especially the teachers.

## ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	HALAMAN
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<i>ABSTRACT</i>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
	<b>SENARAI SIMBOL/SINGKATAN</b>	xviii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	15
	1.5 Persoalan Kajian	16
	1.6 Kepentingan Kajian	16
	1.7 Kerangka Teori Kajian	17
	1.8 Batasan Kajian	19
	1.8.1 Batasan Pengumpulan Data	19
	1.8.2 Batasan Lokasi	19
	1.8.3 Batasan Sampel	20
	1.8.4 Batasan Matlamat Kajian	21
	1.8.5 Batasan Subjek	22
	1.9 Definisi Operasional	22
	1.9.1 Bahan Bantu Mengajar (BBM)	22
	1.9.2 Guru Pendidikan Islam (GPI)	23

1.9.3 Menengah Rendah	24
1.9.4 Kajian kes	26
1.9.5 Teori dan model BBM	26
1.9.6 Pola	27
1.10 Penutup	28

## **2 SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan	30
2.2 Teori dan Model Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	30
2.2.1 Teori dan Model Islam	31
2.2.1.1 Model Klasifikasi Multimedia	33
2.2.2 Teori dan Model Barat	39
2.2.2.1 Teori Pemikiran Kawalan Adaptif	36
2.2.2.2 Model ASSURE	39
2.2.2.3 Model Reka Bentuk Pengajaran KEMP	46
2.2.2.4 Model Gerlach dan Ely	48
2.3 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	50
2.3.1 Jenis Bahan Bantu Mengajar	50
2.3.1.1 Bahan Bantu Mengajar dalam Islam	51
2.3.1.2 Bahan Bantu Mengajar Umum	52
2.3.2 Sumber Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	53
2.3.3 Faktor Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	62
2.4 Kajian Lepas	75
2.4.1 Kajian Bidang Pendidikan Islam dalam Negara	75
2.4.2 Kajian Pelbagai Bidang Dalam Negara	83
2.4.3 Kajian Luar Negara	87
2.5 Penutup	90

## **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	92
3.2 Reka Bentuk Kajian	92
3.3 Lokasi Kajian	95
3.4 Populasi dan Responden Kajian	98
3.5 Instrumen Kajian	100
3.5.1 Pengumpulan Data Kualitatif	100
3.5.2 Pengumpulan Data Temu Bual	102
3.5.3 Prosedur Pemerhatian	106
3.5.4 Prosedur Analisis Dokumen	106
3.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	108
3.6.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif	109

3.6.1.1	Pengesahan Inventori Temu Bual	110
3.6.1.2	Triangulasi Data	111
3.6.1.3	Pengesahan Responden Terhadap Data Temu Bual	112
3.6.1.4	Nota Lapangan Dan Rujukan Diari	112
3.6.1.5	Pengesahan Pakar Dan Penilaian Pengesahan Pakar Melalui Cohen Kappa	114
3.6.1.6	Kajian Rintis	115
3.6.1.7	Indeks Data	116
3.7	Analisis Data	117
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian	117
3.9	Etika Kajian	119
3.10	Penutup	121

## **4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	122
4.2	Latar Belakang GPI Dan Sekolah	122
4.2.1	Latar Belakang GPI di SA-SE	123
4.2.1.1	GPISA	124
4.2.1.2	GPISB	126
4.2.1.3	GPISC	127
4.2.1.4	GPISD	128
4.2.1.5	GPISE	129
4.2.2	Latar Belakang Sekolah	130
4.2.2.1	Sekolah A (SA)	131
4.2.2.2	Sekolah B (SB)	132
4.2.2.3	Sekolah C (SC)	132
4.2.2.4	Sekolah D (SD)	133
4.2.2.5	Sekolah E (SE)	133
4.3	Dapatan Data Kajian Pelbagai Kes	134
4.3.1	Sumber Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam	134
4.3.1.1	Sumber Pengetahuan	135
4.3.1.2	Sumber Bahan	139
4.3.2	Faktor Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam	147
4.3.2.1	Faktor Dorongan	147
4.3.2.2	Faktor Halangan	154
4.3.3	Jenis Bahan Bantu Mengajar (BBM) GPI	163
4.3.4	Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) GPI	170
4.3.4.1	Papan Putih	171
4.3.4.2	Buku Teks	202
4.3.4.3	Powerpoint	213



4.3.4.4	Kertas Edaran	236
4.3.4.5	Kertas Majong	251
4.3.4.6	Gambar	263
4.3.4.7	Buku Nota Pelajar	268
4.3.4.8	Video	274
4.3.4.9	Buku Latihan Dan Modul	278
4.3.4.10	Buku Rujukan	285
4.4	Penutup	289
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN, DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	290
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	290
5.2.1	Jenis-Jenis Bahan Bantu Mengajar (BBM) GPI	291
5.2.2	Sumber Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	294
5.2.3	Faktor Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	298
5.2.4	Amalan Penggunaan BBM	300
5.2.4.1	Amalan Persediaan BBM	300
5.2.4.2	Amalan Penggunaan BBM	304
5.2.4.3	Amalan Selesai Guna BBM	310
5.3	Rumusan	313
5.4	Implikasi Kajian	315
5.4.1	Aspek Teori dan Penghasilan Model Daripada Pola Dapatan Kajian	316
5.5	Cadangan	328
5.5.1	Cadangan Kepada Pihak Kementerian	328
5.5.2	Cadangan Kepada Pihak Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah	330
5.5.3	Cadangan Kepada Sekolah dan Pentadbir	332
5.5.4	Cadangan Kepada Panitia dan Guru	333
5.5.5	Cadangan Kajian Baru Dari Aspek Metodologi, Sampel, Jenis BBM dan Topik Khusus	334
5.6	Penutup	337
	<b>RUJUKAN</b>	<b>338</b>
	Lampiran A-K	377-466

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Perbezaan Pengetahuan Pengisytiharan dan Pengetahuan Prosedur	39
2.2	Jenis-Jenis Sumber Penggunaan BBM Ketika Pelaksanaan PdP	58
2.3	Jenis Sumber yang Berbeza untuk Tujuan Pengajaran	59
2.4	Sumber Bahan Pedagogi Guru	60
2.5	Sumber Penggunaan BBM Jenis Perkakasan	61
3.1	Projek Makmal Komputer Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia	96
3.2	Statistik Penyelenggaraan Komputer Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia Tahun 2009 dan 2010	97
3.3	Senarai Jumlah Keseluruhan Sekolah di Negeri Johor Mengikut Jenis Sekolah	98
3.4	Inventori Protokol Temu Bual	104
3.5	Senarai Pakar Bidang dan Pakar Rujuk Terhadap Pengesahan Tema Dapatan Kajian	114
3.6	Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa	115
4.1	Perbandingan Latar Belakang GPI di SA-SE dari Segi Pendidikan, Pengalaman Mengajar, dan Pengiktirafan	123
4.2	Perbandingan Latar Belakang Sekolah di SA-SE dari Segi Jenis Sekolah, Lokasi, Pengiktirafan Sekolah, dan Pengiktirafan Akademik	131
4.3	Sumber Pengetahuan Daripada Guru Semasa Penggunaan BBM	137
4.4	Sumber Pengetahuan Daripada Sekolah Semasa Penggunaan BBM	138
4.5	Sumber Bahan Sedia Ada Daripada Guru Semasa Penggunaan BBM	141
4.6	Sumber Bahan Buatan Daripada Guru Semasa Penggunaan BBM	142

4.7	Sumber Bahan Daripada Pelajar Semasa Penggunaan BBM	143
4.8	Sumber Bahan Daripada Sekolah/Pihak Atasan Semasa Penggunaan BBM	145
4.9	Faktor Dorongan Guru Semasa Penggunaan BBM oleh GPI	148
4.10	Faktor Dorongan Pelajar Semasa Penggunaan BBM oleh GPI	149
4.11	Faktor Dorongan Sekolah Semasa Penggunaan BBM oleh GPI	151
4.12	Faktor Halangan Guru Semasa Penggunaan BBM oleh GPI	155
4.13	Faktor Halangan Bahan Semasa Penggunaan BBM oleh GPI	158
4.14	Faktor Halangan Pengurusan Semasa Penggunaan BBM oleh GPI	160
4.15	Halangan Tempat Semasa Penggunaan BBM oleh GPI	161
4.16	Jenis Bahan Bantu Mengajar Yang Digunakan oleh GPI	166
4.17	Amalan Persediaan Sebelum Menggunakan Papan Putih	172
4.18	Kebersihan Peralatan Sebelum Menggunakan Papan Putih	173
4.19	Persediaan Pelajar Sebelum Menggunakan Papan Putih	174
4.20	Tempat Penulisan Semasa Penggunaan Papan Putih	177
4.21	Bentuk Penulisan Semasa Menggunakan Papan Putih	178
4.22	Penekanan Isi Penting Semasa Penulisan di Papan Putih	179
4.23	Aktiviti Semasa Penulisan di Papan Putih	181
4.24	Batasan Penulisan Semasa Menggunakan Papan Putih	182
4.25	Inisiatif Tidak Nampak Tulisan Semasa Menggunakan Papan Putih	183
4.26	Ciri Penulisan Semasa Menggunakan Papan Putih	184
4.27	Ciri Tulisan Semasa Penggunaan Papan Putih	188
4.28	Fokus Penulisan Semasa Menggunakan Papan Putih	189
4.29	Alat Memadam Semasa Menggunakan Papan Putih	190
4.30	Melukis Semasa Menggunakan Papan Putih	191
4.31	Perancangan Semasa Menggunakan Papan Putih	192
4.32	Masa Penerangan Semasa Menggunakan Papan Putih	193
4.33	Ciri Penerangan Semasa Menggunakan Papan Putih	194
4.34	Fokus Guru Ketika Penerangan Semasa Menggunakan Papan Putih	195
4.35	Fokus Pelajar Ketika Penerangan Semasa Menggunakan Papan Putih	197
4.36	Kedudukan Guru Ketika Penerangan Semasa Menggunakan Papan Putih	198
4.37	Alat Menunjuk Ketika Penerangan Semasa	

	Menggunakan Papan Putih	199
4.38	Cara Menarik Perhatian Pelajar Semasa Menggunakan Papan Putih	199
4.39	Cara Penggunaan Selepas Menggunakan Papan Putih	201
4.40	Persediaan Semasa Penggunaan Buku Teks	203
4.41	Tindakan GPI Terhadap Pelajar Tidak Bawa Buku	204
4.42	Perancangan Penggunaan Buku Teks Oleh GPI	205
4.43	Aktiviti GPI dan Pelajar Semasa Penggunaan Buku Teks	206
4.44	Ciri Penerangan GPI Semasa Penggunaan Buku Teks	208
4.45	Fokus GPI Semasa Membuat Penerangan Menggunakan Buku Teks	209
4.46	Tips Faham Daripada GPI Semasa Penggunaan Buku Teks	210
4.47	Tips Ingat Daripada GPI Semasa Penggunaan Buku Teks	211
4.48	Rumusan GPI Selesai Penggunaan Buku Teks	211
4.49	Persediaan Semasa Penggunaan <i>Powerpoint</i>	214
4.50	Pembinaan <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Pelajar	215
4.51	Semakan <i>Powerpoint</i> Oleh GPI Semasa Penggunaan Pelajar	216
4.52	Penambahbaikan <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Pelajar	217
4.53	Ciri Penulisan <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Guru	218
4.54	Istilah Penting Pada <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Guru	219
4.55	Ciri Bentuk Penulisan <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Guru	221
4.56	Ciri Tulisan <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Guru	222
4.57	Hiasan <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Guru	223
4.58	Ciri Penerangan <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Guru	224
4.59	Kedudukan Ketika Penerangan <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Guru	225
4.60	Cara Penglihatan <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Guru	226
4.61	Alat Menunjuk <i>Powerpoint</i> Semasa Penggunaan Guru	227
4.62	Penglibatan Pelajar dan Guru Semasa Penggunaan <i>Powerpoint</i>	228
4.63	Integrasi Semasa Penggunaan <i>Powerpoint</i>	230
4.64	Sumber Bahan Semasa Penggunaan <i>Powerpoint</i>	231
4.65	Sumber Rujukan Semasa Penggunaan <i>Powerpoint</i>	233
4.66	Amalan Selesai Penggunaan <i>Powerpoint</i>	234
4.67	Persediaan GPI Semasa Penggunaan Latihan Edaran	237
4.68	Pembinaan Latihan Edaran Semasa Penggunaan GPI	238
4.69	Tugasan Pelajar Semasa Penggunaan Latihan Edaran	239
4.70	Waktu Semasa Penggunaan Latihan Edaran	239

4.71	Ciri Penulisan Semasa Penggunaan Latihan Edaran	240
4.72	Bentuk Penulisan Semasa Penggunaan Latihan Edaran	241
4.73	Semakan Latihan Pelajar Semasa Penggunaan Latihan Edaran	242
4.74	Amalan Semasa Selesai Guna Latihan Edaran	243
4.75	Amalan Persediaan Semasa Penggunaan Nota Edaran	243
4.76	Pembinaan Semasa Penggunaan Nota Edaran	245
4.77	Tugasan Semasa Penggunaan Nota Edaran	245
4.78	Masa Penggunaan Semasa Penggunaan Nota Edaran	246
4.79	Ciri Penulisan Semasa Penggunaan Nota Edaran	248
4.80	Bentuk Penulisan Semasa Penggunaan Nota Edaran	248
4.81	Kesesuaian Semasa Penggunaan Nota Edaran	249
4.82	Amalan Semasa Selesai Guna Nota Edaran	249
4.83	Persediaan Guru Semasa Penggunaan Kertas Majong	253
4.84	Persediaan Pelajar Semasa Penggunaan Kertas Majong	254
4.85	Kesesuaian Penggunaan Kertas Majong	255
4.86	Pelajar Hasilkan Sendiri Semasa Penggunaan Kertas Majong	257
4.87	Persiapan Pelajar Semasa Penggunaan Kertas Majong	257
4.88	Waktu Penulisan Pelajar Semasa Penggunaan Kertas Majong	258
4.89	Pembentangan Pelajar Semasa Penggunaan Kertas Majong	259
4.90	Kurang Persediaan Pelajar Semasa Penggunaan Kertas Majong	260
4.91	Aktiviti Semasa Selesai Penggunaan Kertas Majong	261
4.92	Persediaan Semasa Penggunaan Gambar	264
4.93	Integrasi Semasa Penggunaan Gambar	264
4.94	Ciri Semasa Penggunaan Gambar	265
4.95	Fokus Semasa Penggunaan Gambar	267
4.96	Persediaan Semasa Penggunaan Buku Nota Pelajar	268
4.97	Ciri Penulisan Semasa Penggunaan Buku Nota Pelajar	270
4.98	Pembinaan Pelajar Semasa Penggunaan Buku Nota Pelajar	271
4.99	Peranan Pelajar dan Guru Selesai Penggunaan Buku Nota Pelajar	273
4.100	Persediaan Guru Semasa Penggunaan Video	274
4.101	Waktu Tayangan Semasa Penggunaan Video	275
4.102	Sumber Guru Semasa Penggunaan Video	276
4.103	Tempat Simpanan Semasa Penggunaan Video	277
4.104	Amalan Selesai Penggunaan Video	277
4.105	Amalan Persediaan Sebelum Penggunaan Buku Latihan dan Modul	279
4.106	Ciri Bahan Semasa Penggunaan Buku Latihan dan Modul	280

4.107	Bentuk Latihan Semasa Penggunaan Buku Latihan dan Modul	281
4.108	Waktu Penggunaan Semasa Penggunaan Buku Latihan dan Modul	282
4.109	Sumber Modul Semasa Penggunaan Buku Latihan dan Modul	283
4.110	Sumber Latihan Semasa Penggunaan Buku Latihan dan Modul	283
4.111	Amalan Guru Semasa Selesai Penggunaan Buku Latihan dan Modul	284
4.112	Amalan Persediaan Penggunaan Buku Rujukan	286
4.113	Amalan Penggunaan Buku Rujukan	287
4.114	Amalan Selesai Penggunaan Buku Rujukan	288

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka Teoritikal Kajian	18
1.2	Kedudukan Tahap Menengah Rendah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia	25
2.1	Model Klasifikasi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran	34
2.2	Teori Pemikiran Kawalan Adaptif	37
2.3	Komponen Reka bentuk Pengajaran Model ASSURE	40
2.4	Model Reka bentuk Pengajaran KEMP	46
2.5	Model Reka bentuk Pengajaran Gerlach dan Ely	49
3.1	Kedudukan Reka Bentuk Kajian Kes Dengan Pendekatan Kualitatif	95
3.2	Carta Alir dan Gambaran Prosedur Persampelan Kajian	99
3.3	Struktur Pengumpulan Data Kualitatif	101
3.4	Prosedur Pengumpulan Data Temu Bual	105
3.5	Gambaran Proses Pembinaan Dan Pengukuran Instrumen	108
3.6	Proses Pengesahan Inventori Temu bual	110
4.1	Pola Dapatan Kajian Bagi Sumber Pengetahuan GPI Semasa Penggunaan BBM	139
4.2	Pola Dapatan Kajian Bagi Sumber Bahan GPI Semasa Penggunaan BBM	146
4.3	Pola Faktor Yang Mendorong GPI menggunakan BBM	153
4.4	Pola Faktor Yang Menghalang GPI Menggunakan BBM	162
4.5	Pola Dapatan Kajian Bagi Jenis-Jenis BBM Yang Digunakan Oleh GPI	170
4.6	Pola Amalan Penggunaan Papan Putih	202
4.7	Pola Amalan Penggunaan Buku Teks	212
4.8	Pola Amalan Penggunaan Powerpoint	235
4.9	Pola Amalan Penggunaan Kertas Edaran	250
4.10	Pola Amalan Penggunaan Kertas Majong	262
4.11	Pola Amalan Penggunaan Gambar	267

4.12	Pola Amalan Penggunaan Buku Nota Pelajar	273
4.13	Pola Amalan Penggunaan Video	278
4.14	Pola Amalan Penggunaan Buku Latihan Dan Modul	285
4.15	Pola Amalan Penggunaan Buku Rujukan	289
5.1	Model Sumber Penggunaan BBM Guru Pendidikan Islam (MSPBBMGPI)	317
5.2	Model Faktor Penggunaan BBM Guru Pendidikan Islam (MFPBBM-GPI)	318
5.3	Model Amalan Penggunaan Papan Putih Guru Pendidikan Islam (MAPPPGPI)	33199
5.4	Model Amalan Penggunaan Buku Teks Guru Pendidikan Islam (MAPBTGPI)	320
5.5	Model Amalan Penggunaan Powerpoint Guru Pendidikan Islam (MAPPGPI)	321
5.6	Model Amalan Penggunaan Kertas Edaran Guru Pendidikan Islam (MAPKEGPI)	322
5.7	Model Amalan Penggunaan Kertas Majong Guru Pendidikan Islam (MAPKMGPI)	323
5.8	Model Amalan Penggunaan Gambar Guru Pendidikan Islam (MAPGGPI)	324
5.9	Model Amalan Penggunaan Buku Nota Pelajar Guru Pendidikan Islam (MAPBNPGPI)	325
5.10	Model Amalan Penggunaan Video Guru Pendidikan Islam (MAPVGPI)	326
5.11	Model Amalan Penggunaan Buku Latihan dan Modul Guru Pendidikan Islam (MAPBLMGPI)	326
5.12	Model Amalan Penggunaan Buku Rujukan Guru Pendidikan Islam (MAPBRGPI)	327



## SENARAI SIMBOL/SINGKATAN

ABH	-	Alat Bantu Hafazan
ABM	-	Alat Bantu Mengajar
ACT	-	<i>Adaptive Control Thought</i>
BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
BPI	-	Bahagian Pendidikan Islam
CD	-	<i>Compact Disc</i>
DBPB	-	Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
GCPI	-	Guru Cemerlang Pendidikan Islam
GPI	-	Guru Pendidikan Islam
TMK	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IWB	-	<i>Interactive Whiteboard</i>
j-QAF	-	Jawi, al-Quran, Arab, Fardu Ain
JAIS	-	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAPIM	-	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
JPN	-	Jabatan pelajaran Negeri
KAA	-	Kelas Aliran Agama
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
LCD	-	<i>Liquid Crystal Display</i>
LDP	-	Latihan dalam Perkhidmatan
OHP	-	<i>Overhead Projector</i>
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
SBT	-	Sekolah Berprestasi Tinggi
SKK	-	Sekolah Kluster Kecemerlangan
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMS	-	Sekolah Menengah Sains
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
SMKA	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPI	-	Sarjana Muda Pengajian Islam

SSQS	-	<i>Smart School Qualifications Standard</i>
TMK	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TPKA	-	Teori Pemikiran Kawalan Adaptif
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO. LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Senarai Semak Borang Temu bual Guru	377
B	Jadual Pergerakan Kajian Lapangan di Sekolah Rintis	381
C	Contoh Halaman Pertama Nota Lapangan dan Diari	383
D	Contoh Borang Pengesahan dan Persetujuan Responden Terhadap Data Temu Bual	388
E	Contoh Borang Pengesahan Pakar bagi Inventori Kualitatif	389
F	Contoh Surat Lantikan Pakar	393
G	Contoh Surat Permohonan Pengkaji, Surat Kebenaran Melakukan Kajian Daripada KPM, dan JPN	394
H	Senarai Teks Temu Bual, Laporan Observasi, dan Analisis Dokumen	398
I	Senarai Kod dan Definisi Operasional Tema	400
J	Senarai Jadual Matrik	422
K	Senarai Kandungan Indeks Data	466

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan sebahagian daripada penilaian yang dibuat terhadap kecemerlangan seorang guru. PdP guru biasanya dilakukan dengan sempurna supaya dapat mencapai matlamat yang telah digariskan. Lazimnya, strategi PdP adalah melibatkan aktiviti seperti prosedur, proses, aktiviti, dan alat yang menyokong guru ketika mengajar (Miller, 2008). Sebelum pelaksanaan PdP, guru akan membuat perancangan dengan teliti. Seterusnya perancangan yang dibuat dilaksanakan dengan harapan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. proses ini merupakan proses biasa bagi GPI untuk mematuhi amalan pengajaran yang perlu dilaksanakan ketika PdP. Amalan lain yang dilakukan oleh GPI untuk kejayaan PdP ialah penggunaan pendekatan, kaedah, teknik, set induksi, isi pengajaran, penutup, refleksi pengajaran, dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Guru Pendidikan Islam yang cemerlang akan memastikan semua elemen PdP tersebut dilaksanakan dengan baik supaya dapat menghasilkan PdP yang berkesan dan efektif.

Norhashimi (2005) telah menggambarkan kesemua elemen pelaksanaan PdP secara mudah. Elemen pendekatan merupakan aspek umum yang meliputi bahagian kecil seperti kaedah, teknik, dan aktiviti. Setiap elemen itu saling berhubung dan

selari antara satu sama lain untuk menghasilkan PdP yang berkesan. Oleh itu, penggunaan pendekatan PdP disesuaikan dengan keadaan dan tahap pelajar yang pelbagai (Tengku Sarina dan Yusmini, 2006). Dari aspek kaedah pengajaran pula, hasil PdP yang berkesan akan dapat dilihat setelah guru menyesuaikan pilihannya dengan gaya pembelajaran pelajar. Sememangnya pembelajaran pelajar berbeza mengikut setiap individu dan tahap kemampuan mereka (Salhah, 2009). Guru yang prihatin sentiasa berusaha untuk cuba mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut gaya pembelajaran mereka (Tengku Sarina dan Yusmini, 2006). Hal ini kerana kepelbagaian kaedah yang digunakan oleh guru mampu untuk memberi peluang kepada pelajar menjadi aktif ketika PdP (Esah, 2004).

Manakala bagi teknik pengajaran pula merupakan elemen kecil yang digunakan untuk menyokong kelancaran kaedah pengajaran yang dirancang. Walaupun penggunaan teknik pengajaran boleh berubah-ubah mengikut situasi PdP namun teknik ini bergantung kepada kesesuaian pendekatan dan kaedah yang digunakan (Shahabudin *et al.*, 2007). Setelah dikenal pasti ketiga-tiga elemen pengajaran, iaitu pendekatan, kaedah, dan teknik yang digunakan, proses seterusnya ialah menetapkan aktiviti dan bahan pengajaran yang sesuai. Aktiviti yang dilakukan bergantung sepenuhnya kepada bahan pengajaran yang disediakan oleh guru. Penggunaan BBM yang baik adalah dengan menepati beberapa ciri pelaksanaannya, iaitu memenuhi kehendak kurikulum; mencabar kognitif, menarik, dan memotivasikan pelajar; berlaku pengintegrasian; dan diperolehi dari sumber yang pelbagai (Norhashimi, 2005). Selain itu, persediaan dan penggunaan BBM adalah bergantung kepada masa yang diluankan oleh guru. Pengurusan masa yang baik dapat membantu guru melaksanakan penggunaan BBM ketika aktiviti PdP berlangsung. Setiap PdP yang dilaksanakan sangat berkaitan dengan objektif yang ingin dicapai, maka penggunaan BBM adalah merujuk kepada matlamat yang ingin dicapai. Tidak semua BBM yang digunakan ketika PdP bersesuaian dengan matlamat dan objektif yang ingin dicapai. Terdapat juga waktu penggunaan BBM tidak sesuai dilaksanakan malah membazirkan masa PdP guru (Shahabudin *et al.*, 2007). Oleh itu, penggunaan BBM sangat besar fungsinya untuk memastikan semua elemen pengajaran dapat dilaksanakan oleh guru dan disesuaikan dengan tahap kemampuan pelajar.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam kalangan guru di sekolah menjadi satu aspek penting yang telah ditekankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2012). Pada peringkat awal perkembangan penggunaan BBM, bahan asas seperti buku teks dan papan putih menjadi kebiasaan penggunaannya dalam kalangan guru di sekolah (Brown *et al.*, 1973; Samantha, 1991; Mukalel, 1998). Penggunaan bahan asas ini telah mendorong kebanyakan guru sukar untuk mempelbagaikan PdP mereka. Hasilnya, guru semakin selesa mengajar dengan kaedah tradisional, iaitu *chalk and talk* (Abdul Rahim dan Hayazi, 2010; Mohamad Rofian, 2013). Kaedah *chalk and talk* ini masih lagi merupakan kaedah utama walaupun BBM berteraskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah berkembang maju.

Penggunaan BBM TMK dalam kalangan guru yang berkembang maju amat berkait rapat dengan usaha yang dilakukan oleh pihak KPM. Usaha yang dilakukan oleh KPM antaranya dengan memberikan Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) kepada semua guru sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Tempoh latihan yang diperuntukkan kepada guru adalah selama sepuluh hari bersamaan 60 jam. Kandungan latihan, kursus, dan bengkel yang dianjurkan oleh KPM lebih memfokuskan kepada keperluan akademik antaranya yang berkaitan dengan penggunaan BBM. Usaha-usaha yang dilakukan ini disambut baik oleh semua pihak termasuk Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), pihak sekolah dan guru termasuk juga guru Pendidikan Islam bagi memastikan kemahiran mereka dapat dipertingkatkan. Sebahagian daripada kemahiran ini ialah kemahiran penggunaan BBM TMK (KPM, 2012). Kesan daripada latihan yang diperuntukkan kepada GPI, pelaksanaan penggunaan BBM dalam kalangan GPI semakin meluas. Namun pelaksanaan penggunaan BBM menghadapi pelbagai halangan seperti yang dinyatakan oleh Mohd Isa *et al.* (2009), antaranya ialah kekurangan latihan dan kursus penggunaan BBM TMK.

Dalam melaksanakan penggunaan BBM, beberapa faktor telah dikenal pasti dalam meningkatkan dan melemahkan penggunaannya dalam kalangan GPI.

Merujuk kepada dapatan lalu tentang pengetahuan BBM, kedua-dua faktor ini sangat berkait rapat untuk memastikan sama ada BBM digunakan ataupun tidak. Faktor tersebut terdiri daripada elemen penting, iaitu guru, Kementerian atau Jabatan, dan sekolah. Faktor guru dibincangkan secara mendalam dengan menyentuh aspek motivasi (Sehrom, 1995; Whetstone dan Carr-Chellman, 2001; Ilomaki, 2004; Lee dan Bathmaker, 2007; Eteokleous, 2008; Wan Nor Hazlina dan Kamaruzzaman, 2009; Maimun Aqsha *et al.*, 2011), masa (Barak, 2007; Gursul dan Bilgic, 2010; Sad dan Özhan, 2012; Melor *et al.*, 2013), serta pengetahuan dan kemahiran (Mohd Izham dan Noraini, 2007; Koc dan Bakir, 2010; Rosnaini dan Mohd Arif, 2010; Maimun Aqsha *et al.*, 2011). Faktor kementerian atau jabatan pula dibincangkan dari aspek kewangan dan peruntukan yang diberikan (Tanveer *et al.*, 2009; Lai 2010; Akakandelwa dan Munsanje 2011). Manakala faktor sekolah pula dijelaskan berkenaan kekurangan peralatan dan capaiannya (Shiung dan Ling 2005; Smarkola 2007; Haydn dan Barton 2007; Nor Azlan dan Noraziah 2010; Akakandelwa dan Munsanje 2011; Giavrimis *et al.*, 2011; Termit Kaur dan Kalaivani 2012).

Faktor motivasi merupakan salah satu kelebihan penggunaan BBM terhadap peribadi guru dan pelajar. Kelebihannya dilihat memberi impak kepada pedagogi, keyakinan pelajar, dan motivasi guru serta menghasilkan minat, sikap, persepsi, dan kemahiran guru yang positif (Sehrom, 1995; Whetstone dan Carr-Chellman, 2001; Lee dan Bathmaker, 2007; Eteokleous, 2008). Penggunaan BBM juga memberi motivasi kepada GPI apabila pelajar memberikan respon yang positif terhadap penggunaan BBM. Kesan daripada itu, pelajar mendapati bahawa subjek Pendidikan Islam bersesuaian, menarik dan tidak membosankan ketika belajar (Wan Nor Hazlina dan Kamaruzzaman, 2009; Maimun Aqsha *et al.*, 2011). Dapatan kajian Ilomaki (2004) menjelaskan bahawa BBM adalah sebagai sokongan kepada PdP yang dilaksanakan oleh guru. Oleh sebab itu, motivasi guru yang menggunakan BBM ketika PdP telah meningkat disebabkan kelebihan yang mereka temui ini. Namun terdapat juga guru yang beranggapan bahawa penggunaan BBM terutamanya TMK tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada mereka. Tanggapan ini menggambarkan bahawa guru sendiri tidak bermotivasi apabila berhadapan dengan penggunaan BBM dari jenis TMK. Hal ini disebabkan sikap GPI yang kurang kemahiran (Shiung dan Ling, 2005; Rosnaini dan Mohd Arif, 2010), kurang

pengetahuan (Barak, 2007; Rosnaini dan Mohd Arif, 2010; Hammond *et al.*, 2011), dan kurang efektif (Moradi dan Khalkhali, 2008) tentang penggunaan BBM TMK.

Faktor masa juga mempengaruhi motivasi guru untuk menggunakan BBM. Faktor ini menyentuh tentang persediaan sebelum dan semasa penggunaan BBM. Kajian menunjukkan bahawa BBM yang dihasilkan oleh guru menjadi lebih baik jika mereka mempunyai kemahiran tentang cara penggunaannya. Manakala BBM yang digunakan dengan keyakinan dapat menjimatkan masa dan memudahkan kefahaman ketika PdP (Melor *et al.*, 2013). Kenyataan ini bertepatan dengan dapatan kajian Sad dan Ozhan (2012) bahawa penggunaan BBM TMK mampu menjimatkan masa guru. Penjimatan masa ini adalah disebabkan guru tidak perlu lagi menulis atau melukis di papan putih semasa PdP. Manakala dapatan kajian oleh Melor *et al.* (2013) pula menyatakan bahawa masa dapat dijitmatkan apabila guru menggunakan BBM dalam pengajaran mereka. Penjimatan masa itu mampu dimanfaatkan oleh guru untuk menumpukan kepada aktiviti PdP serta pengajaran yang berkesan. Kajian Sad dan Ozhan (2012) dan Melor *et al.* (2013) berlainan dengan kajian oleh Barak (2007), Mohd Izham *et al.* (2009), serta Gursul dan Bilgic (2010).

Kajian oleh Barak (2007) mendapati bahawa penggunaan TMK sebagai BBM ketika PdP menyebabkan guru mengambil masa yang lama untuk menghabiskan pengajaran. Hal ini juga dinyatakan oleh Gursul dan Bilgic (2010) bahawa keburukan penggunaan TMK ketika PdP adalah kerana masa yang lama perlu diperuntukkan ketika mengajar. Berdasarkan dapatan ini, 26 peratus daripada 15 orang responden bersetuju bahawa penggunaan BBM TMK mengambil masa yang lama ketika mengajar. Manakala Mohd Izham *et al.* (2009) pula menjelaskan, masa GPI yang padat dengan PdP menyebabkan BBM tidak dapat digunakan. Tambahan pula, GPI beranggapan bahawa penggunaan BBM TMK tidak mampu untuk menjelaskan topik utama dalam silibus pelajaran. Berdasarkan dapatan kajian Barak (2007), Mohd Izham *et al.* (2009) serta Gursul dan Bilgic (2010) ini jelas menunjukkan bahawa kekangan dan keperluan masa ini berkaitan dengan persediaan sebelum dan semasa penggunaan BBM. Oleh itu, disebabkan masa guru yang tidak mencukupi, penggunaan BBM khususnya TMK tidak dapat dilaksanakan ketika PdP.



Pengetahuan dan kemahiran penggunaan BBM juga menjadi isu yang menghalang GPI menggunakan BBM. Pengetahuan mendalam yang dikuasai dengan lebih awal oleh GPI pada hakikatnya meningkatkan kemahiran guru dalam penggunaan BBM. Walaupun penggunaan BBM dilihat mudah, namun guru masih lagi kurang menggunakannya. Hal ini berkaitan dengan kurangnya pengetahuan guru terhadap penggunaan BBM (Koc dan Bakir, 2010). Kebanyakan GPI masih belum bersedia menggunakan BBM atas sebab persediaan yang perlu dilakukan (Mohd Izham dan Noraini, 2007). Tahap pengetahuan mereka juga masih belum mampu menggalakkan penggunaan BBM khususnya TMK (Rosnaini dan Mohd Arif, 2010). Kenyataan ini disokong oleh kajian Mohd Izham dan Noraini (2007), dan Maimun Aqsha *et al.* (2011).

Dapatan kajian Mohd Izham dan Noraini (2007) menjelaskan bahawa persediaan pengetahuan guru berada pada tahap sederhana sebelum menggunakan BBM. Koc dan Bakir (2010) pula mendapati bahawa 39 peratus guru mempunyai pengetahuan yang kurang tentang penggunaan komputer ketika PdP. Manakala dapatan kajian Rosnaini dan Mohd Arif (2010) turut menyatakan bahawa pengetahuan TMK oleh majoriti guru berada pada tahap yang sederhana. Tambahan pula dapatan kajian Maimun Aqsa *et al.* (2011) terhadap GPI turut mendapati bahawa pengetahuan awal mereka terhadap penggunaan TMK masih kurang mendalam. Semua dapatan ini turut mengesahkan kajian Mohd Isa *et al.* (2009) dan Nur Hanani *et al.* (2012) yang menyatakan bahawa halangan penggunaan komputer dalam kalangan GPI antaranya ialah kurang latihan terhadap penggunaan BBM.

Kebergantungan penggunaan BBM oleh GPI terhadap kementerian atau jabatan adalah dari aspek peruntukan yang diberikan. Penggunaan BBM tidak dapat dilaksanakan secara meluas jika pihak kementerian atau jabatan tidak berperanan menyediakan peruntukan kepada sekolah yang memerlukan. Peruntukan yang disalurkan kepada sekolah untuk kegunaan GPI adalah berbentuk kelengkapan peralatan ataupun sumber kewangan. Sekolah-sekolah di Malaysia turut menerima peruntukan untuk menambah baik peralatan dan kelengkapan PdP kepada guru. Melalui projek Sekolah Bestari Rintis contohnya, kerajaan dan kementerian memperuntukkan sebanyak RM300 juta untuk memberikan kelengkapan PdP berasaskan teknologi (MSC, 2005a; 2005b; Wan Zah *et al.*, 2009; Mohd Izham *et al.*,

2009). Merujuk kepada peruntukan yang disalurkan, jelas terbukti bahawa Kementerian telah melaksanakan tanggungjawab mereka. Selain kemudahan dan peralatan, Kementerian turut memperuntukkan sejumlah wang untuk pelbagai kegunaan guru. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Tanveer *et al.* (2006) dan Lai (2010) bahawa peruntukan yang diberikan kepada sekolah untuk kegunaan program latihan kemahiran guru. Mereka turut menambah, peruntukan tersebut boleh digunakan sebagai sokongan kepada program integrasi TMK dalam PdP.

Menurut Wan Zah *et al.* (2009) pula, Kementerian memperuntukkan sejumlah kos untuk memperbaiki garis panduan penggunaan BBM supaya GPI mampu untuk mengikutinya. Berdasarkan kenyataan kajian-kajian lalu, dapat dijelaskan bahawa peruntukan akan bertambah sekiranya pihak sekolah mempunyai sasaran tinggi dalam penggunaan BBM. Namun, apa yang berlaku ialah tidak semua sekolah yang menerima peruntukan seperti itu tetapi hanya sekolah-sekolah tertentu sahaja. Manakala peruntukan yang disalurkan tidak termasuk kos untuk penyelenggaraan jika berlaku kerosakan (Ozdemir dan Kilic, 2007; Almutairi, 2009; Somyurek *et al.*, 2009). Kenyataan ini disokong oleh Akakandelwa dan Munsanje (2011) berdasarkan dapatan kajiannya. Akakandelwa dan Munsanje (2011) menjelaskan, 52.5 peratus guru mencadangkan kerajaan atau Kementerian seharusnya menambah peruntukan supaya mencukupi untuk keperluan PdP khususnya untuk tujuan penyelenggaraan.

Bagi faktor sekolah pula, terdapat beberapa masalah penggunaan BBM yang dialami oleh GPI seperti peralatan atau bahan yang tidak mencukupi serta keterbatasan dalam kebolehcapaiannya. Kedua-dua faktor ini dikenal pasti antara faktor yang biasa dialami oleh GPI semasa penggunaan BBM. Faktor kekurangan BBM dibuktikan melalui beberapa kajian yang telah dijalankan, antaranya Shiung dan Ling (2005), Smarkola (2007), Haydn dan Barton (2007), Nor Azlan dan Noraziah (2010), Akakandelwa dan Munsanje (2011), Giavrimis (2011), Termit Kaur dan Kalaivani (2012). Kajian Shiung dan Ling (2005) menjelaskan bahawa kekangan prasarana dan infrastruktur yang dialami guru Sekolah Menengah Teknik menyebabkan BBM tidak dapat dilaksanakan. Kajian ini turut mencadangkan agar prasarana dan infrastruktur ditambah baik agar guru dapat melaksanakan PdP dengan sempurna. Menurut Haydn dan Barton (2007), seramai 29 orang daripada 133 orang guru sains dan sejarah tidak menggunakan BBM disebabkan kekurangan sumber.

Responden selebihnya menyatakan halangan lain yang diperolehi melalui tinjauan soal selidik yang dijalankan. Bagi kajian Nor Azlan dan Noraziah (2010), guru pelatih didapati kurang menggunakan TMK ketika PdP disebabkan beberapa faktor. Antara faktor tersebut ialah tiada kemudahan yang mencukupi serta kemudahan yang disediakan mengalami kerosakan. Projektor antara peralatan yang menjadi pilihan guru menggunakannya ketika PdP. Namun peralatan tersebut sering rosak ditambah pula bilik multimedia yang disediakan adalah kurang. Kedua-dua kajian di atas disokong oleh kajian Akakandelwa dan Munsanje (2011) bahawa faktor kekurangan BBM adalah yang tertinggi dicatatkan, iaitu sebanyak 31.1 peratus berbanding faktor lain. Giavrimis (2011) turut menambah bahawa kekurangan BBM merupakan faktor utama melalui dapatan kajiannya sebanyak 23.7 peratus berbanding faktor lain. Hal ini disokong oleh Termit Kaur dan Kalaivani (2012) bahawa kekurangan fasiliti menyebabkan guru tidak dapat melaksanakan PdP menggunakan BBM. Walaupun dapatan kajian menunjukkan kekurangan bahan merupakan halangan, namun berlainan bagi kajian Smarkola (2007). Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa keyakinan guru pelatih berada pada tahap lapan daripada sepuluh. Tahap keyakinan yang tinggi ini ditunjukkan walaupun mereka mengalami kekurangan sumber dan bahan TMK. Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan, dapat dirumuskan bahawa peruntukan yang diberikan oleh kerajaan adalah sedikit. Hal ini menyebabkan peralatan juga tidak sempurna dan mempunyai kuantiti yang kecil berbanding dengan jumlah guru. Namun begitu, tahap keyakinan guru pelatih masih pada tahap yang tinggi untuk menggunakan BBM.

Masalah penggunaan BBM juga dilihat dari aspek jenis BBM yang digunakan. Berdasarkan pengkategorian beberapa jenis BBM yang dilakukan oleh beberapa sarjana (Ismail, 2002; Pathak dan Chaudhary, 2012; Singh, *et al.*, 2008; Kochhar, 2000; Vanaja dan Rao, 2004; Siddiqui, 2008; Ahmad, 2009; Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2007; al-Rantisi, 2009; Abdul Wahab, 2003; Muhammad Ibrahim dan Khalid Hamli, 2009; Lakshmi dan Rao, 2004; Singh dan Sharma, 2004; Kumar, *et al.*, 2004) melalui kajian terdahulu menjelaskan setiap jenis terdapat masalah penggunaan yang tersendiri (Rizwana, *et al.*, 2010; Ashwaq, 2012; Srakang dan Janssem, 2013). Berdasarkan kajian Rizwana *et al.* (2010) tentang masalah penggunaan BBM mengikut jenis, didapati bahawa guru menggunakan BBM yang tidak sesuai dengan kategori pelajarannya. Rizwana menambah bahawa penggunaan

bahan audio-visual adalah sesuai untuk pelajar pada usia yang agak muda berbanding pelajar dewasa. Hal ini kerana pelajar dewasa lebih gemar untuk melakukan aktiviti sendiri berbanding aktiviti yang dikawal oleh guru. Dalam kajian lain pula berkenaan penggunaan buku teks, Srakang dan Janssem (2013) menyatakan bahawa terdapat masalah semasa penggunaan buku teks dalam kalangan guru. Kajian ini turut menjelaskan lagi bahawa buku teks tidak menggalakkan pelajar untuk membangunkan strategi belajar mereka sendiri sebagaimana yang ditunjukkan melalui dapatan kajian beliau, iaitu hanya mencapai tahap min 2.92. Tahap min ini sebenarnya berada pada tahap yang paling rendah dalam dapatan kajian ini. Akhir sekali, masalah penggunaan BBM jenis bahan sebenar juga telah dikenal pasti antara BBM yang kurang sesuai digunakan oleh guru. Melalui kajian yang dilakukan oleh Ashwaq (2012), penggunaan bahan sebenar atau bahan mautod oleh guru ketika mengajar didapati tidak mampu untuk mencapai matlamat dan objektif PdP, tidak mampu menarik minat pelajar, dan tidak sesuai dengan tahap umur pelajar yang terlibat. Ringkasnya, ketiga-tiga kajian ini menunjukkan bahawa masih terdapat guru yang gagal menyesuaikan penggunaan BBM mengikut jenis ketika PdP terhadap para pelajar mereka.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kementerian dalam meningkatkan penggunaan BBM dalam kalangan guru di sekolah. Usaha yang jelas dilakukan adalah dengan menyalurkan peruntukan dan bantuan terhadap kemudahan BBM serta latihan penggunaannya. Hal ini turut diperakukan berdasarkan statistik koleksi keseluruhan BBM yang terdapat di Pusat Sumber Bahagian Teknologi Pendidikan Johor. Merujuk kepada statistik koleksi Pusat Sumber Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor (BTPNJ, 2014), BBM yang diperuntukkan oleh kementerian berjumlah 40,741 unit dari pelbagai jenis. Manakala BBM dari jenis bahan bercetak berjumlah 33,046 unit dan bahan bukan bercetak berjumlah 1,893,997 unit. Ditambah pula dengan pelbagai usaha kementerian di bawah kelolaan

Bahagian Teknologi Pendidikan yang sentiasa menaiktaraf sistem pendidikan selari dengan kemajuan teknologi. Sebagai contoh matlamat pembestarian sekolah melalui pelbagai program antaranya Projek 1BestariNet, Projek Schoolnet, Projek Rangkaian Internet, dan Projek Sistem Pengurusan Bahan. Penambahbaikan ini dilakukan melalui usaha-usaha seperti penyenggaraan ICT sekolah, projek makmal komputer, dan pusat akses sekolah. Pelbagai jenis BBM yang diperuntukkan dan projek menaik taraf sekolah ini sudah memadai untuk guru melakukan kepelbagaian dalam penggunaan BBM ketika PdP. Namun, realitinya guru-guru kurang memanfaatkan peruntukan yang telah diberi disebabkan oleh beberapa senario masalah yang telah dikenalpasti (Khadijah dan Shahrin, 2006).

Senario permasalahan tersebut antaranya melibatkan motivasi guru (Lee dan Bathmaker, 2007; Eteokleous, 2008; Wan Nor Hazlina dan Kamaruzzaman, 2009; Maimun Aqsha *et al.*, 2011), masa guru (Barak, 2007; Gursul dan Bilgic, 2010; Sad dan Ozhan, 2012; Melor *et al.*, 2013), kemahiran dan pengetahuan guru (Mohd Izham dan Noraini, 2007; Rosnaini dan Mohd Arif, 2010; Maimun Aqsha *et al.*, 2011), peruntukan daripada kementerian atau jabatan, kemudahan dan capaian BBM sedia ada (Mohd Izham *et al.*, 2009; Wan Zah *et al.*, 2009), serta pemilihan penggunaan BBM yang tidak sesuai (Rizwana *et al.*, 2010; Ashwaq, 2012). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat masalah penggunaan BBM dalam kalangan guru ketika proses PdP. Masalah penggunaan BBM ini juga tidak terkecuali daripada berlaku dalam kalangan GPI. Mohamad Tajuddin (2000) membuktikan dalam kajian terhadap GPI menunjukkan bahawa penggunaan ABM ketika proses PdP berada pada tahap sederhana. Kajian ini disokong oleh kajian Md. Yusoff *et al.* (2006) dan Farid *et al.* (2007) yang menjelaskan bahawa GPI terlalu bergantung kepada gaya pembelajaran tradisional yang menyebabkan mereka selesa dengan gaya PdP tradisional tersebut. Kekurangan penggunaan BBM oleh GPI hatta Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) sendiri telah dibuktikan oleh kajian Kamarul Azmi (2010) terhadap GCPI. Dapatan kajian menjelaskan bahawa GCPI hanya menggunakan enam jenis BBM sahaja, iaitu kertas edaran dan modul, komputer dan LCD, kertas majong, buku rujukan, dan gambar. Manakala penggunaan BBM TMK oleh GCPI dalam kajian Kamarul Azmi hanya tertumpu di luar kelas berbanding penggunaannya untuk PdP. Dapatan ini selaras dengan dapatan yang diperolehi oleh Mazalah *et al.* (2006) dan Noraffandy *et al.* (2011). Menurut kajian Mazalah *et al.*

(2006), penggunaan TMK oleh GPI masih berada pada tahap rendah. Kajian ini juga menjelaskan kekerapan 0 hingga 1 kali penggunaan TMK dalam seminggu adalah seramai 23 orang, iaitu 57.5 peratus daripada keseluruhan 40 orang GPI. Manakala selebihnya hanya seramai 7.5 peratus, iaitu tiga orang sahaja yang menggunakan lebih dari empat kali dalam seminggu. Oleh itu, penggunaan TMK dalam kalangan GPI semakin berkurangan berbanding penggunaan BBM selain TMK. Manakala kajian Noraffandy *et al.* (2011) pula menjelaskan bahawa aplikasi TMK dalam PdP GPI berada pada tahap sederhana. Min bagi aplikasi TMK dalam PdP GPI ialah 3.30. Berdasarkan kajian Kamarul Azmi (2010), Mazalah *et al.* (2006), dan Noraffandy *et al.* (2011) menunjukkan bahawa penggunaan BBM TMK oleh GCPI dan GPI kelihatan semakin berkurangan walaupun teknologi semakin maju berkembang. Sebagai tambahan dalam kajian Kamarul Azmi (2010), GCPI lebih cenderung menggunakan BBM TMK untuk tujuan penyampaian ilmu di luar kelas seperti di surau atau masjid untuk tujuan kuliah dan ceramah.

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian ini, jelas keperluan untuk mengkaji penggunaan BBM dalam kalangan GPI dari aspek jenis, cara penggunaan, faktor penggunaan, dan sumber BBM dengan harapan dapat meningkatkan kesedaran penggunaan BBM dalam kalangan GPI.

Walaupun terdapat kajian-kajian lalu yang telah mengkaji penggunaan BBM (Mohammad Tajuddin, 2000; Rofishah, 2005; Maimun Aqsha dan Md Yusoff, 2004; Ab. Halim *et al.*, 2004; Suhaimi, 2005; Khadijah dan Shahrin, 2006; Wan Khairuddin, 2006; Abdul wahab *et al.*, 2006; Mohd. Izham dan Noraini, 2007; Mustafa, 2008; Nik Mohd Rahimi dan Kamarulzaman, 2008; Azhar *et al.*, 2008; Mohd Aderi dan Rohani, 2009; Kamarul Azmi, 2010; Azmil, 2010; Ahmad Zaidi, 2010; Yahya dan Noor Al Mahdin, 2010; Abdul Rahim dan Hayazi, 2011; Kamarul Azmi *et al.*, 2011; Fadzli dan Ranjit Singh, 2012; Mohd Faez *et al.*, 2013), namun kajian-kajian ini agak berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd. Izham dan Noraini (2007) mendapati bahawa, tahap kesediaan penggunaan BBM TMK dalam kalangan guru sains adalah sederhana. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Yahya dan Noor Al Mahdin (2010). Kajian Yahya dan Noor Al Mahdin (2010) mendapati

bahawa empat faktor yang telah mempengaruhi keberkesanan penggunaan ABM dalam PdP Kemahiran Hidup. Manakala kajian oleh Abdul Wahab *et al.* (2006) menunjukkan bahawa penggunaan TMK dalam PdP oleh guru di Pulau Pinang dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya faktor tahap pengetahuan, sikap, personaliti, sokongan organisasi dan sifat inovasi komputer didapati mempengaruhi guru untuk menggunakan BBM TMK. Kajian terbaru telah dilakukan oleh Abdul Rahim dan Hayazi (2011) terhadap guru teknikal di SM Teknik daerah Johor Bahru. Kajian mendapati bahawa tahap penggunaan ABM ketika PdP pada tahap sederhana dengan purata min ialah 2.62. Terdapat juga kajian yang dilakukan terhadap subjek Bahasa Arab antaranya kajian oleh Azhar *et al.* (2008), Mustafa (2008), dan Nik Mohd Rahimi dan Kamarulzaman (2008). Dapatan kajian Azhar *et al.* (2008) terhadap penggunaan BBM oleh guru Bahasa Arab adalah kurang. Manakala dapatan kajian Mustafa (2008) mendapati seramai 39.4 peratus (n=198) guru Bahasa Arab lemah dalam menguasai penggunaan BBM ketika mengajar. Kedua-dua dapatan ini disokong oleh Nik Mohd Rahimi dan Kamarulzaman (2008) bahawa tahap penggunaan ABM oleh guru Bahasa Arab berada pada rendah. Maka terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar yang didedahkan dengan ABM dengan kumpulan pelajar yang tidak didedahkan dengan ABM.

Daripada kajian lalu oleh Abdul Wahab *et al.* (2006), Mohd. Izham dan Noraini (2007), Mustafa (2008), Nik Mohd Rahimi dan Kamarulzaman (2008), Azhar *et al.* (2008), Yahya dan Noor Al Mahdin (2010), serta Abdul Rahim dan Hayazi (2011), jelas terbukti bahawa kajian-kajian tersebut hanya fokus kepada subjek umum selain daripada Pendidikan Islam. Oleh itu, aspek subjek dijadikan tujuan utama kajian ini dijalankan.

Selain aspek subjek, pengkaji melihat kebanyakan kajian yang dijalankan adalah menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan. Kenyataan ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Mohammad Tajuddin (2000), Khadijah dan Shahrin (2006), Wan Khairuddin (2006), Kamarul Azmi (2010), Azmil (2010), Fadzli dan Ranjit Singh (2012). Semua kajian yang dinyatakan ini dikenal pasti menggunakan kaedah kuantitatif dalam penyelidikan mereka. Kajian berkaitan penggunaan BBM oleh Mohammad Tajuddin (2000) mendapati bahawa min pada tahap rendah telah diperolehi oleh GPI semasa proses PdP tanpa menggunakan

BBM. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam menentukan tahap penggunaan BBM oleh GPI. Kajian Suhaimi (2005) pula mendapati, GPI di Negeri Sembilan mencatatkan tahap sederhana berkenaan penggunaan komputer. Tahap sederhana dalam penggunaan komputer yang dimaksudkan ialah kemahiran dan penggunaan komputer ketika PdP. Dapatan ini turut melibatkan penggunaan kaedah kuantitatif dalam mendapatkan data. Selain itu, kajian Khadijah dan Shahrin (2006) mendapati bahawa dapatan amalan pengajaran GPI yang memanfaatkan BBM berada pada tahap rendah dengan min 2.05. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif ini ditambah lagi dengan dapatan persepsi oleh Wan Khairuddin (2006). Dapatan beliau telah menjelaskan bahawa catatan min tahap penggunaan TMK oleh GPI berada pada tahap tinggi, iaitu 3.8809. Kajian berkenaan penggunaan alat bantu hafazan (ABH) oleh pensyarah tahfiz telah dilakukan oleh Azmil (2010). Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa pensyarah tahfiz kurang menggunakan BBM ketika PdP. Tahap penggunaan ABH yang dicatatkan pula ialah pada tahap minimum dari jenis terjemahan al-Quran, papan putih, pen, dan kertas. Manakala penggunaan kitab tafsir dan mp3 amat kurang digunakan. Bagi ABH paling kritikal yang hampir tidak digunakan ialah OHP, LCD, komputer, laptop, software al-Quran, CD al-Quran, CD interaktif, kaset al-Quran, dan pita rakaman. Kajian oleh Fadzli dan Ranjit Singh (2012) pula mendapati bahawa BBM audio visual dan video kurang digunakan. Kedua-dua jenis BBM itu memperolehi nilai min rendah, iaitu 2.88 dan 2.70.

Bagi pendekatan kaedah campuran (*mix method*) pula, kajian oleh Kamarul Azmi (2010) menjelaskan bahawa penggunaan BBM oleh guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) hanya fokus menggunakan BBM jenis buku teks, buku kerja tambahan, buku rujukan, lembaran kerja, dan nota edaran. Hanya satu jenis BBM mencapai tahap interpretasi tinggi, iaitu buku teks dan selebihnya pada tahap sederhana tinggi. Manakala dapatan kualitatif pula mendapati bahawa BBM kertas edaran dan modul sering digunakan oleh GCPI disebabkan PdP difokuskan kepada persediaan peperiksaan. Kaedah campuran juga digunakan oleh Alieinah (2003) terhadap kajian penggunaan OHP oleh GPI di daerah Jasin. Dapatan tinjauan yang ditunjukkan oleh GPI adalah pada tahap rendah. Manakala dapatan kualitatifnya menyatakan bahawa GPI bersikap positif semasa penggunaan OHP. Manakala kajian oleh Ghazali *et al.* (2012) yang menggunakan kaedah campuran menjelaskan bahawa buku teks adalah penggunaan BBM yang tertinggi. Manakala BBM lain yang



digunakan semasa PdP Bahasa Arab berada pada kekerapan yang rendah. Semua kajian yang dinyatakan di atas telah menggunakan reka bentuk kaedah campuran (kuantitatif dan kualitatif), iaitu mix-method.

Pendekatan kualitatif sepenuhnya turut dilakukan oleh Kamarul Azmi *et al.* (2011), Nur Hanis (2012) dan Mohd Faez *et al.* (2013). Kajian oleh Kamarul Azmi *et al.* (2011) telah dijalankan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dalam mendapatkan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya enam jenis BBM sahaja yang digunakan oleh GCPI ketika PdP. Kajian ini menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, dan nota lapangan. Nur Hanis (2012) pula menjalankan kajian terhadap GPI Tahun Empat. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan instrumen pemerhatian sebagai data utama kerana responden kajian adalah dalam kalangan para pelajar Tahun Empat. Kajian oleh Mohd Faez *et al.* (2013) pula menyokong kajian sebelum ini dengan menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Kajian tersebut menggunakan temu bual sahaja sebagai pengumpulan data. Berdasarkan faktor kaedah kajian yang telah dijelaskan, pengkaji berhasrat untuk melakukan kajian dengan pendekatan kualitatif secara mendalam. Walaupun terdapat beberapa kajian menggunakan pendekatan kualitatif, namun bilangannya masih belum mencukupi. Pendekatan kualitatif pada kajian ini menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, nota lapangan, dan rujukan diari sebagai instrumen pengumpulan data.

Walaupun terdapat kajian yang dilakukan terhadap penggunaan BBM pada subjek Pendidikan Islam dan pendekatan kualitatif, namun tujuan kajian ini masih berbeza. Perbezaan dengan kajian lain juga dilihat dari aspek skop perbincangan BBM itu sendiri. Sebagai contoh kajian oleh Mohd Aderi dan Rohani (2009) terhadap amalan pengajaran Tilawah al-Quran. Kajian amalan pengajaran ini membuktikan bahawa penggunaan alat bantu mengajar oleh GPI adalah pada tahap sederhana dengan min 2.709. Dapatan penggunaan ABM ini adalah sebahagian kecil daripada keseluruhan tajuk amalan pengajaran yang dibincangkan. Selain itu kajian oleh Ab. Halim *et al.* (2004) berkenaan keberkesanan PdP Pendidikan Islam turut berkaitan. Kajian keberkesanan PdP tersebut menunjukkan hasil sebahagian dapatan berkaitan penggunaan BBM mencapai tahap sederhana rendah ( $m=2.57$ ) dan paling rendah ( $\text{min}=2.03$ ,  $m=2.07$ , dan  $m=2.11$ ). Manakala kajian oleh Mazalah *et al.*

(2006) pula adalah berkaitan penggunaan BBM TMK dalam Pendidikan Islam. Kajian ini hanya difokuskan kepada penggunaan TMK yang memperoleh dapatan bahawa hanya 7.5 peratus sahaja GPI yang menggunakannya. Kajian berkenaan TMK juga dilakukan oleh Rofishah (2005) yang mengkaji penggunaan TMK dalam kalangan guru Bahasa Arab Komunikasi. Hasil kajian mendapati bahawa hanya sebahagian guru yang mempunyai pengetahuan TMK. Manakala segelintir daripada guru dapat mengaplikasikan TMK dalam PdP mereka.

Secara keseluruhannya, melalui kajian-kajian yang telah dijelaskan pada perbincangan sebelum ini menunjukkan bahawa masih terdapat perbezaan dengan kajian ini. Perbezaan utama kajian ini dengan kajian-kajian lalu ialah dari aspek subjek yang dipilih. Walaupun terdapat kajian tentang subjek Pendidikan Islam, namun jumlahnya masih belum mencukupi berbanding subjek selain Pendidikan Islam. Kajian tentang subjek Pendidikan Islam yang telah dilakukan kebanyakannya menggunakan kaedah kuantitatif dan kaedah campuran (*mix method*) berbanding kualitatif sepenuhnya. Manakala fokus dan skop penggunaan BBM Pendidikan Islam yang telah dilakukan merupakan sebahagian kecil berbanding penggunaan BBM sebagai fokus utama pada kajian ini.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada kerangka kajian Penggunaan BBM yang telah dibina, pengkaji ingin memfokuskan kepada beberapa objektif yang bertujuan untuk:

- (1) Meneroka sumber bahan bantu mengajar yang digunakan dalam kalangan Guru Pendidikan Islam.
- (2) Meneroka faktor penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan Guru Pendidikan Islam.
- (3) Mengenal pasti jenis bahan bantu mengajar yang digunakan dalam kalangan Guru Pendidikan Islam

- (4) Menganalisis amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan Guru Pendidikan Islam.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang dibina, wujud persoalan kajian yang akan dijawab pada akhir penulisan kajian ini. Antaranya ialah:

- (1) Apakah sumber bahan bantu mengajar yang digunakan oleh Guru Pendidikan Islam?
- (2) Apakah faktor penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan Guru Pendidikan Islam?
- (3) Apakah jenis bahan bantu mengajar yang digunakan oleh Guru Pendidikan Islam?
- (4) Bagaimanakah penggunaan bahan bantu mengajar yang diamalkan oleh Guru Pendidikan Islam?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Tujuan kajian ini dilakukan menurut pandangan pengkaji adalah didasari oleh beberapa persoalan kajian yang timbul berkaitan penggunaan BBM oleh guru Pendidikan Islam. Kepentingan kajian ini diharapkan dapat merubah beberapa aspek yang dianggap perlu dilakukan penambahbaikan padanya. Hasil kajian ini juga sedikit sebanyak dapat membuka mata banyak pihak yang masih lagi mengamalkan PdP tanpa penggunaan BBM. Kesedaran yang terhasil daripada kajian ini seterusnya dapat diambil pengajaran dalam usaha membangunkan sistem pendidikan negara dengan lebih mampan.

Kepentingan kajian ini secara tidak langsung dapat dijadikan panduan dan rujukan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah untuk diaplikasikan khususnya kepada guru Pendidikan Islam dan amnya semua guru di setiap sekolah.

Bagi meningkatkan lagi profesionalisme perguruan di Malaysia, hasil kajian ini juga penting bagi pentadbir dan pihak atasan sekolah. Tujuannya supaya pentadbir dan pihak atasan sekolah dapat menggunakan hasil kajian ini sebagai garis panduan untuk guru mereka di sekolah. Bagi guru pula, hasil kajian ini dapat mengubah amalan PdP mereka setiap kali tibanya waktu PdP khususnya dalam penggunaan BBM. Seterusnya bagi pelajar juga mendapat manfaat apabila guru berjaya mengaplikasikan hasil kajian ini dalam PdP mereka. Kesan daripada penggunaan BBM, pelajar akan menikmati PdP yang berkesan, menjimatkan masa, dan pengalaman pengajaran yang menarik.


## **1.7 Kerangka Teori Kajian**

Melalui kerangka teori kajian yang di bina seperti dalam Rajah 1.1, pengkaji cuba melihat cara penggunaan BBM oleh guru Pendidikan Islam. Kerangka teori kajian ini merupakan adaptasi daripada Teori Pemikiran Kawalan Adaptif (Anderson, 1983), Model ASSURE (Heinichi, 1982; Heinichi, *et al.* 1996), Model Reka Bentuk Pengajaran Kemp (Kemp, 1989), serta Model Gerlach dan Ely (Gerlach dan Ely, 1971). Kerangka teori kajian ini didasari oleh teori utama yang diambil daripada kerangka kajian Rosnaini (2006).

Teori tersebut ialah Teori Pemikiran Kawalan Adaptif (1983) yang berkaitan tentang bagaimana pengetahuan seseorang ditukar menjadi amalan dan perbuatan. Secara umumnya, teori Pemikiran Kawalan Adaptif merupakan pengetahuan yang dimiliki dan kemahiran yang diadaptasi daripada pengetahuan sedia ada. Semua

penggunaan model ini akan di adaptasi dan digunakan pada semua jenis BBM yang digunakan oleh guru.

Teori Pemikiran Kawalan Adaptif merupakan satu teori yang dibangunkan oleh Anderson (1983). Tujuannya untuk menyesuaikan pemikiran dalam suatu tempoh masa apabila kita belajar tentang sesuatu perkara dalam pelbagai keadaan. Tempoh masa tersebut diambil bertujuan untuk mengisytiharkan pengetahuan baru yang diperolehinya (McMorris dan Hale, 2006). Disamping itu, teori ini juga menggambarkan cara bagaimana seseorang dapat membuat keputusan. Hasil keputusan yang dibuat akan menghasilkan suatu usaha dan kerjaya yang dilakukan dalam pelbagai keadaan yang diberikan.



**Rajah 1.1:** Kerangka Teoritik Kajian

Model ASSURE pula dibangunkan oleh Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino (1993). Model ini adalah satu model yang menjadi panduan kepada guru untuk menggunakan bahan bantu mengajar secara sistematik. Panduan kepada model ini semasa menggunakan BBM akan memastikan proses PdP berjalan dengan lancar. Hal ini kerana model ASSURE membantu guru merancang dengan rapi penggunaan BBM sebelum, semasa, dan selepas pelaksanaan PdP.

## **1.8 Batasan Kajian**

Keperluan kepada membataskan sesuatu kajian dilihat amat perlu dilakukan bertujuan mendapatkan satu hasil kajian yang bermatlamat dan terfokus.

### **1.8.1 Batasan Pengumpulan Data**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Data utama diperolehi secara temu bual mendalam, manakala dapatan pemerhatian dan analisis dokumen merupakan data sokongan.

### **1.8.2 Batasan Lokasi**

Bagi penentuan lokasi kajian, pengkaji telah menetapkan beberapa syarat. Antara syarat yang ditetapkan oleh pengkaji ialah (i) negeri yang menerima bantuan tertinggi melalui program penyelenggaraan komputer pada tahun 2009, (ii) negeri

yang menerima bantuan tertinggi melalui Projek Makmal Komputer Sekolah (KPM, 2010a), dan (iii) negeri yang menepati syarat (i) dan (ii) adalah merupakan salah satu daripada lima negeri yang mempunyai bilangan sekolah yang tertinggi. Berdasarkan kepada syarat (i), (ii), dan (iii), negeri Johor menepati ketiga-tiga syarat tersebut. Pada tahun 2009, sekolah-sekolah menengah di negeri Johor telah menerima peruntukan penyelenggaraan daripada KPM sebanyak 1006 buah komputer. Dan pada tahun 2010, penyelenggaraan tersebut sekadar mencukupkan keseluruhan komputer yang ada, iaitu sebanyak 441 buah. Manakala pada tahun 2010 juga, Projek Makmal Komputer Sekolah diperuntukkan kepada sekolah-sekolah menengah di negeri Johor sebanyak 89.2 peratus. Peruntukan ini merupakan nilai yang tertinggi diterima berbanding dengan negeri-negeri lain yang mempunyai bilangan sekolah yang tinggi.

Oleh yang demikian, lokasi kajian ini dijalankan adalah di sekolah-sekolah menengah negeri Johor. Sekolah-sekolah yang terlibat terdiri daripada pelbagai jenis sekolah yang ada di bawah kawalan KPM sebanyak 250 buah.

### **1.8.3 Batasan Responden**

Berdasarkan kepada jumlah 250 buah sekolah daripada sepuluh jenis sekolah yang ada di bawah kawalan KPM, hanya beberapa buah sekolah sahaja yang terpilih. Pemilihan tersebut adalah merujuk kepada ciri yang dibataskan oleh pengkaji seperti:

- (1) Sekolah yang tercalon sebagai sekolah bestari rintis melalui penilaian Smart School Qualification Standart (SSQS) yang dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP).
- (2) Sekolah yang mencatatkan pencapaian yang baik dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN),
- (3) Pemilihan guru Pendidikan Islam bagi sekolah yang telah menepati syarat (1), dan (2) adalah terdiri daripada Guru Cemerlang, guru senior, dan guru novis.

Hasil pemilihan terdapat sembilan buah sekolah yang menepati ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Bilangan ini menjadikan negeri Johor sebagai negeri kedua tertinggi di Malaysia dan tertinggi antara negeri-negeri di selatan Malaysia yang mempunyai Sekolah Bestari. Selain itu negeri Johor juga yang tertinggi memiliki Sekolah Bestari tahap lima bintang melalui penarafan yang dilakukan setiap tahun.

Semua sekolah tersebut terdiri daripada pelbagai jenis sekolah antaranya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Sains (SMS), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

Bagi pemilihan responden kajian, ciri yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (1) Guru Pendidikan Islam,
- (2) Guru yang mengajar majoriti kelas menengah rendah,
- (3) Guru yang mengajar tingkatan dua,
- (4) Guru yang menepati syarat (1), (2), dan (3) adalah dalam kalangan Guru Cemerlang, Guru Senior, atau Guru Novis.

Pemilihan responden berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan di atas adalah atas cadangan Guru Kanan Bidang Subjek atau Ketua Panitia. Selain itu pengkaji turut menetapkan informan kajian ini dari kalangan penyelia dan pelajar di bawah seliaan responden. Fokus kajian terhadap tingkatan dua adalah kerana PdP guru tidak terlalu fokus dan terikat kepada peperiksaan PMR. Hal ini kerana persediaan peperiksaan sedikit sebanyak mempengaruhi dapatan yang akan terhasil.

#### **1.8.4 Batasan Matlamat Kajian**

Selain batasan terhadap responden, pengkaji juga membataskan kajian merujuk kepada fokus dan matlamat kajian. Kajian ini dibataskan hanya untuk melihat jenis BBM serta penggunaannya. Selain itu, fokus juga terarah kepada sumber dan faktor dalam penggunaan BBM oleh GPI.



### **1.8.5 Batasan Subjek**

Dari aspek subjek pula, kajian difokuskan kepada subjek Pendidikan Islam tingkatan dua sahaja. Di bawah subjek tersebut, pengkaji tidak memfokuskan untuk mana-mana tajuk dalam subjek Pendidikan Islam tersebut. Kajian secara umum terhadap subjek Pendidikan Islam adalah disebabkan:

- (1) Proses dan jangka masa yang akan diambil untuk topik yang dibataskan itu akan mengambil masa yang lama.
- (2) Tiada jadual penetapan untuk pengajaran sesuatu tajuk dalam subjek Pendidikan Islam.
- (3) Pengumpulan data kajian lapangan bergantung kepada jadual waktu persekolahan.
- (4) Temu bual dan pemerhatian dilakukan setelah responden selesai mengajar topik yang telah ditetapkan.

## **1.9 Definisi Operasional**

Berikut merupakan istilah yang telah diperjelaskan oleh pengkaji secara operasi dalam kajian ini.

### **1.9.1 Bahan Bantu Mengajar (BBM)**

Bahan Bantu Mengajar sangat sinonim digunakan oleh guru ketika mengajar. *The Routledge International Encyclopedia of Education* menafsirkan BBM sebagai “sebarang bahan, peralatan, objek, atau mesin yang digunakan oleh guru untuk menjelaskan atau memudahkan subjek.” (Guthrie, 2003; McCulloch dan Crook,

2008). *Encyclopedia of Bilingualism and Bilingual Education* dan *Encyclopedia of Education* pula menjelaskan BBM adalah bantuan untuk memudahkan kefahaman pelajar (Baker dan Jones, 1998; Guthrie, 2003).

BBM juga diertikan dalam bahasa inggeris sebagai *teaching aid* yang terdiri daripada dua istilah, iaitu *teaching* dan *aid*. Istilah *teaching* adalah imbuhan daripada perkataan *teach* yang bermaksud “memberi pengetahuan kepada seseorang atau memberi arahan, atau melatih seseorang”. Manakala istilah *aid* pula seperti yang dimaksudkan oleh *Psychology of Classroom Learning: An Encyclopedia* adalah merupakan salah satu sumber peralatan yang membantu dan menolong dalam melakukan sesuatu perkara”. Dengan ungkapan yang mudah, *aid* diistilahkan sebagai sokongan atau bantuan ketika proses pengajaran berlangsung (Eric, 2009).

Oleh yang demikian, BBM yang cuba dimaksudkan oleh pengkaji dalam kajian ini juga merupakan segala peralatan atau bahan yang dianggap logik digunakan oleh Guru Pendidikan Islam yang boleh dicerap oleh pengkaji ketika PdP.

## **1.9.2 Guru Pendidikan Islam (GPI)**

Guru amat sinonim sebagai pendidik, pensyarah, profesor, penceramah, ustaz, ustazah, cikgu, mualim, dan kiai. Selain itu, guru juga disifatkan sebagai fasilitator, pengurus kurikulum, penyampai maklumat, dan sumber daya (Mahzan, 2005; Maimun Aqsha, 2011a; Mohd Izham & Noraini, 2007; Shahril *et al.*, 2008; Kamiz Alam dan Mohammad Aman, 2006). Dari perspektif Islam, guru sekolah dipanggil sebagai ustaz dan ustazah kerana pengkhususan mereka dalam bidang agama. Dalam sejarah awal Islam, guru adalah seorang pendakwah yang menyampaikan ajaran agama Islam. Guru hanyalah gelaran yang menunjukkan peranan mereka sebagai seorang pendakwah dengan menyampaikan ajaran Islam di daerah-daerah yang baru menerima ajaran Islam (Hassan, 1979). Para pendakwah yang pandai membaca dan menulis diberi tanggungjawab sebagai penyampai ilmu dan pada awalnya merupakan

tanggungjawab. Pada ketika itu, Rasulullah s.a.w. merupakan seorang guru yang terbaik untuk pengikutnya sehingga ramai umat manusia yang memeluk Islam kerana amalannya dalam pembawaan dan penyebaran Islam.

Manakala pengertian pendidikan Islam menurut Abuddin (1998) ialah “pendidikan yang berdasarkan dengan ajaran Islam dengan penetapan kepada ciri-cirinya”. Berlainan dengan tafsiran Ahmad (1980), iaitu “bimbingan jasmani dan rohani berdasarkan hukum-hukum agama Islam menuju kepada terbentuknya kepribadian utama menurut ukuran-ukuran Islam”. Ensiklopedia Dunia (2005) pula menjelaskan bahawa pendidikan Islam ialah pembinaan sahsiah masyarakat Islam yang mencakupi pendidikan seimbang dari segi rohani dan jasmani. Disamping itu, ia juga menekankan sejauh mana kejayaan seseorang dalam melaksanakan tanggungjawab. Pendidikan Islam juga memberi jaminan kebahagiaan hidup seseorang di dunia dan di akhirat.

Secara kesimpulannya, GPI merupakan seorang ustaz dan ustazah di sekolah yang mahir dalam memberikan pengajaran dan penerangan berkaitan ilmu-ilmu agama Islam secara sistematik. Dalam konteks ini, GPI juga merupakan seorang guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam. GPI juga mengajar pelajar di peringkat menengah rendah terutamanya pelajar tingkatan dua. Guru Pendidikan Islam ini merupakan guru yang terpilih dari kalangan guru novis, guru senior, ataupun guru cemerlang.


### **1.9.3 Menengah Rendah**

Istilah menengah rendah yang didefinisikan oleh *The Routledge International Encyclopedia of Education* (2008) adalah satu peringkat pendidikan yang segera antara peringkat rendah dan peringkat menengah.

Pendidikan di Malaysia umumnya bergantung kepada sekolah bantuan kerajaan yang menyediakan pendidikan secara formal dalam kondisi yang

selesa. Sistem pendidikannya juga dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu (i) peringkat rendah, (ii) peringkat menengah (pendidikan ini biasanya dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu menengah rendah dan menengah atas [Ensiklopedia Dunia, 2006]), (iii) peringkat pascamenengah, dan (iv) peringkat tinggi (Ensiklopedia Dunia, 2006).

*World Education Encyclopedia* (2002) menafsirkan istilah menengah rendah adalah merupakan tahap rendah dalam pendidikan menengah yang terdiri daripada para pelajar berumur 13 hingga 15 tahun. Kementerian Pelajaran Malaysia (Sekolah Menengah Harian [KPM], 2011) turut menggariskan bahawa pendidikan menengah rendah adalah terdiri daripada para pelajar tingkatan satu hingga tingkatan tiga.



Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2010)

**Rajah 1.2:** Kedudukan Tahap Menengah Rendah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia

Sebagai ringkasan, Rajah 1.2 menerangkan proses perjalanan dan kedudukan menengah rendah dalam sistem pendidikan di Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia [KPM], 2010). Istilah yang digunakan dalam kajian ini merupakan pelajar atau guru yang terlibat dengan PdP tingkatan dua sahaja. Menengah rendah yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan tiga yang terdapat di sekolah-sekolah di bawah kendalian KPM antaranya

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Sains (SMS), dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

#### **1.9.4 Kajian kes**

Kajian kes merupakan kaedah penyelidikan masa kini yang semakin meluas diamalkan oleh pengkaji dalam bidang pendidikan dan penyelidikan pendidikan. Kajian kes merupakan kaedah terperinci yang didasari oleh alat penyelidikannya, iaitu pemerhatian, temu bual, dokumen, atau soal selidik (Wellington, 2008). Kajian kes ini dijalankan kerana penumpuannya terhadap satu-satu kes yang berlaku. Kes yang dikaji oleh penyelidik menggunakan kajian kes ini adalah bersifat unik yang tiada pada unit-unit yang lain (Aaltio dan Hielman, 2010). Oleh itu, pengkaji yang menggunakan kajian kes tidak boleh mengambil mudah tentang kes yang dipilih.

Selain itu, penelitian menggunakan kajian kes telah menjadi keutamaan untuk penyelidikan moden pada hari ini kerana bersifat mendalam (Blatter, 2008). Walaupun kajian kes bersifat mendalam dengan hanya mengkaji satu set kecil kes-kes tertentu, namun ia mampu menjelaskan satu fenomena yang besar (Jones, 2008). Dalam kajian ini, kajian kes telah digunakan kerana pengkaji ingin menumpukan secara mendalam tentang penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Kajian kes yang digunakan adalah berbentuk kualitatif. Instrumen pengumpulan data yang digunakan meliputi temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, nota lapangan, dan diari pengkaji.

#### **1.9.5 Teori dan model BBM**

Menurut Schinka dan Velicer (2003), perkembangan sesuatu ilmu pengetahuan adalah berpunca daripada teori baru atau penemuan empirikal yang

tidak dijangka. Teori baru dan penemuan empirikal ini sangat berkaitan dengan ilmu yang sedang diteroka untuk dijadikan sebagai sandaran yang kukuh. Kewujudan teori adalah berpunca daripada ujian-ujian yang telah dicuba berdasarkan pengetahuan atau idea yang cuba untuk dikembangkan (Fuchs dan Milar, 2003). Pengujian yang dilakukan terhadap teori yang ingin dikembangkan menjadikan teori tersebut semakin kukuh serta tidak dapat dipertikaikan lagi kesahihannya. Jika terdapat keraguan, sesuatu teori baru itu tidak boleh diterima kesahihannya (Dorin *et al.*, 1990). Hal ini dipersetujui oleh WoodFord dan Jackson (2003) bahawa teori merupakan satu prinsip yang telah terbukti kesahihannya melalui beberapa siri ujian yang dilakukan. Oleh itu, prinsip tersebut dijadikan sebagai satu dasar untuk pengembangan ilmu.

Manakala model pula dijelaskan sebagai satu gambaran atau sumbangan yang dihasilkan berdasarkan kepada tahap pengetahuan pengkaji. Model juga adalah gambaran pemikiran yang dapat membantu untuk memberi kefahaman yang tidak dapat dilihat atau melalui pengalaman secara langsung. Model memerlukan pengkaji untuk mempersembahkannya untuk tujuan penambahbaikan secara berperingkat. Daripada penambahbaikan itu, struktur model semakin sesuai setelah diuji melalui tahap pengetahuan pengkaji. Oleh itu, model adalah hasil sumbangan yang perlu dinilai terlebih dahulu dengan melalui beberapa proses yang perlu dilakukan (Dorin *et al.*, 1990; Howard *et al.*, 2005).

Dalam konteks kajian ini, teori dan model yang dibincangkan adalah berkaitan dengan rangka kerja teori yang menjadi sebahagian daripada subtopik penyelidikan. Teori dan model yang dibentangkan pengkaji adalah rasional dan bertepatan dengan kajian yang dijalankan berdasarkan kajian-kajian lalu yang telah dilakukan. Oleh itu, tujuan istilah ini didefinisikan adalah untuk membezakan antara keduanya dari aspek kekuatan melalui pengujian. Teori yang dikemukakan dalam kajian ini telah diuji dan terbukti kukuh sebagai asas pengembangan ilmu, manakala model masih belum dilakukan pengujian. Model adalah berasaskan kepada pemikiran dan idea-idea daripada persekitaran yang berlaku.

### **1.9.6 Pola**

Dapatan kajian lapangan melalui pendekatan kualitatif akan dianalisis menggunakan perisian Nvivo versi 7.0. Setelah dianalisis, dapatan akan membentuk tema bagi mewakili dapatan kajian lapangan. Namun tidak semua dapatan yang dianalisis dapat digunakan untuk tujuan kajian. Hal ini kerana perbincangan dapatan kajian hanyalah berkisar kepada tema yang mencapai tahap pola sahaja. Pola dapatan kajian ini akan terhasil apabila pengkaji membuat pengekodan terhadap data yang diperolehi menggunakan perisian analisis dapatan (Benaquisto, 2008). Kebiasaannya pengekodan dilakukan terhadap dari pelbagai jenis data seperti transkrip temu bual, nota semasa kajian lapangan, bahan-bahan arkib, laporan, artikel surat khabar, dan seni (Benaquisto, 2008; Julien, 2008).

Perbincangan terhadap pola dapatan kajian ini menyebabkan pengkaji tidak berat sebelah dalam mempersembahkan dapatan secara adil dan telus (Yin, 2009). Pola dapatan yang terhasil juga adalah hasil analisis secara mendalam dari pelbagai aspek dan ciri yang ada pada data yang dianalisis (Benaquisto, 2008).

Dalam kajian ini, pola yang dimaksudkan ialah perbandingan dua dapatan dari pelbagai sumber yang membentuk tema yang hampir sama (Hak dan Dul, 2010). Tema ini diwakili oleh majoriti daripada keseluruhan sumber utama yang digunakan dalam mendapatkan data.

### **1.10 Penutup**

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan secara terperinci berkenaan latar belakang kajian dan pernyataan masalah kajian yang timbul. Objektif dan persoalan kajian turut dinyatakan dalam bab ini sebagai panduan utama pengkaji dan rujukan seterusnya. Dalam bab ini juga, pengkaji mengetengahkan kerangka konseptual

kajian yang dibina sebagai panduan terhadap kajian yang dijalankan. Seterusnya pengkaji turut membuat huraian terhadap istilah yang digunakan dalam kajian ini dibawah tajuk definisi operasional. Bagi menjadikan kajian lebih fokus dan terarah, pengkaji telah menetapkan skop dan batasan terhadap kajian yang akan dijalankan. Secara keseluruhannya, latar belakang masalah kajian ini menjelaskan fenomena yang telah menjadi amalan dalam kalangan kebanyakan guru.



## RUJUKAN

- \_\_\_\_\_ (2006). *Ensiklopedia Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aaltio, Iris and Hielmann, Pia (2010). *Case Study and Theoretical Science in Mills*, Albert J. (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. United Kingdom: SAGE Publications Ltd. 1(64).
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, dan Khadijah Abdul Razak (2004). *Laporan Penyelidikan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, JAPIM: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Mahimun Sardi, Mohamed Amin Embi and Parilah M. Shah. (2010). The Application of Islamic Web Sites: Process of Teaching and Learning of Islamic Education. *The International Journal of Learning*. 14(12): 117-124.
- Abd. Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz dan Tang Keow Ngang (2008). Pincang Laku Kepimpinan Pengetua Menurut Perspektif Guru: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan..* 33(2008): 47-60.
- Abdul Rahim Hamdan dan Hayazi Mohd Yasin (2010). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor*. Pp.1-8. (Unpublished). UTM Institutional Repository
- Abdul Wahab Ismail Gani, Kamaliah Siarap, dan Hasrina Mustafa (2006). Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran-Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes Di Pulau Pinang. *Kajian Malaysia*. XXIV(1 & 2): 203-225.

- Abrams, L. S. (2010). Sampling 'Hard to Reach' Populations in Qualitative Research: The Case of Incarcerated Youth. *Journal of Qualitative Social Work*. 9(4): 536-550.
- Abu Ghuddah, Syeikh Abdul Fattah (1997). *Al-Rasul al-Muallim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyah.
- Abuddin H. N. (1998). *Metodologi Studi Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Adnan, Tufekcic (2012). Basic Determinants of Producing A Modern Textbook. *International Journal of Methodological Horizons*. 7(15): 119.
- Adrian Doff (1988). *Teach English Teacher's Workbook: A Training Course for Teachers*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- ADSA (2012). *Laporan Analisis Dokumen di SA*. Laporan dilakukan pada jam 10.00am bertarikh 7 Ogos 2012 di Bilik Guru.
- ADSB (2012). *Laporan Analisis Dokumen di SB*. Laporan dilakukan pada jam 9.00am bertarikh 20 Jun 2012 di Surau Sekolah.
- ADSC (2012). *Laporan Analisis Dokumen di SC*. Laporan dilakukan pada jam 11.45am bertarikh 11 Julai 2012 di Perpustakaan.
- ADSD (2012). *Laporan Analisis Dokumen di SD*. Laporan dilakukan pada jam 12.30am bertarikh 5 Februari 2013 di Bilik Guru.
- ADSE (2012). *Laporan Analisis Dokumen di SA*. Laporan dilakukan pada jam 10.00am bertarikh 7 Ogos 2012 di Bilik Guru.
- Afshari, M., Kamariah Abu Bakar, Wong Su Luan, Bahaman Abu Samah, dan Foo Say Fook (2009). Factors Affecting Teachers' Use Of Information And Communication Technology. *International Journal of Instruction*. 2 (1).
- Ageel, M. (2011, September). The ICT Proficiencies of University Teachers in Saudi Arabia: A Case Study to Identify Challenges and Encouragements. *Doctoral Research Journal*. 2: 55-60.
- Ahmad, J. (2009). *Teaching of Biological Sciences*. New Delhi: PHI Learning Pvt. Ltd.
- Ahmad D. M. (1980). *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: Al-Ma'arif.
- Ahmad Yunus Kasim. (2011). *Pedagogical Content Knowledge (PCK) in Teaching of Aqidah of Islamic Education Excellent Teachers: A Case Study*. Ph.D Thesis. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aini Arifah A. B. and Norizan M. Y. (2008). Using Teaching Courseware to Enhance Classroom Interaction as a Method of Knowledge Sharing. *Journal for Information Systems Research and Practice*. 1(1).

- Akakandelwa, Akakandelwa. and Munsanje, Joseph. (2011). Provision of learning and teaching materials for pupils with visual impairment: *The British Journal of Visual Impairment*. 30(1): 42–49.
- Akbulut, Yavuz (2007). Implications of Two Well-Known Models For Instructional Designers in Distance Education: Dick-Carey Versus Morrison-Ross-Kemp. *Turkish Online Journal of Distance Education (TOJDE)*. 8(2) Article: 5.
- Al-Ghazali (1990). *Mukhtashar Ihya' 'Ulumuddin*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Tsaqafiyyah.
- Al-Harbi, Ibrahim Abdullah (2013). The Degree of the Islamic Education Teachers' Practices of Information Technology and Communication Applications and the Obstacles of Practice from Their Perspectives. *Journal of Education and Practice*. 4(28): 167-177.
- Al-Oteawi, S. M. *The Perceptions of Administrators and Teachers in Utilizing Information Technology in Instruction, Administrative Work, Technology Planning and Staff Development in Saudi Arabia*. Doctoral Thesis. Ohio University, Columbus; 2002.
- Al-Rantisi, Mahmud Muhamad Darwish (2009). *Fa'alah Tathwir Muqarrar Teknologiyya al-Ta'lim Bi al-Jami'ah al-Islamiah Li Iktisab al-Thullab al-Mu'allimin al-Kifayat al-Luzumah Fi Dhau'i al-Ma'ayir al-Mu'ashorah*. Gaza: Penerbit Universiti Islamiah.
- Albirini, A. (2006). Teachers' Attitudes Toward Information and Communication Technologies. *Journal of Computer & Education*. 47: 373-398.
- Aliabadi, Khadijeh., Ahmadzade, Leila., Javanmard, Ali., and Hoshmandja, Manizhe (2013). Identifying Barriers to Use New Media in Nomadic Schools of Fars Province and Providing Proper Strategies in order to benefit from them. *Journal of Life Science Biomedicine*. 3(3): 193-202.
- Alieinah Ali. *Tahap Kemahiran dan Penggunaan Overhead Projektor (OHP) di Kalangan Guru Pendidikan Islam: Satu Kajian di Daerah Jasin, Melaka*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia; 2003.
